

12 JUN 2003

Terengganu-air

TERENGGANU TAK CADANGAN SERAH URUSAN BEKALAN AIR KEPADA PUSAT

DUNGUN, 12 Jun (Bernama) -- Kerajaan Terengganu tidak berhasrat untuk menyerahkan tanggungjawab menyediakan bekalan air di negeri itu kepada kerajaan pusat kerana ia adalah sebahagian sumber pendapatan negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi, Yahaya Ali berkata kerajaan pusat sepatutnya menyalurkan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk membantu kerja membangunkan bekalan air kerana ia mengambil masa yang panjang.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri majlis pecah tanah Pusat Niaga Paka oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Pentadbiran Awam Negeri, Datuk Wan Abdul Muttalib Embong, di sini hari ini.

Pusat Niaga Paka itu akan dibangunkan oleh Eastern Pacific Properties Sdn Bhd, anak syarikat Eastern Pacific Industrial Corporation (EPIC), sebuah syarikat milik kerajaan negeri, yang dahulunya dikenali sebagai CCP Kuantan Packages Sdn Bhd. Wan Abdul Muttalib adalah Pengerusi EPIC.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kerajaan negeri mengkaji semula sama ada ingin memikul tanggungjawab menyediakan bekalan air di negeri masing-masing memandangkan mereka tidak berupaya dari segi kewangan untuk berbuat demikian.

Yahaya berkata sekiranya perancangan jangka panjang dibuat dengan teratur, beliau yakin Terengganu tidak akan menghadapi masalah dalam menguruskan bekalan air.

"Perancangan menyediakan bekalan air sekurang-kurangnya 10 tahun. Ada projek yang mampu kita uruskan, biar kita uruskan. Ada projek yang memerlukan komitmen tinggi dari kerajaan pusat, mereka perlu bantu kerana ia adalah satu persefahaman," katanya.

-- BERNAMA

ERE AZH MAI